

# Sedut sisa daging mayat tanpa kepala

Oleh **NURAINA HANIS ABD. HALIM**  
pengarang@utusan.com.my



**D**ITUGASKAN membantu pihak polis mengeluarkan mayat yang ditemukan dalam kolam renang di sebuah banglo terbenkakai di Bukit Damansara, Kuala Lumpur pada 2014 antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan pegawai bomba Rosli Ibrahim.

Menurutnya, ketika tiba di lokasi kejadian, pihaknya mendapati mayat tanpa kepala, kaki dan tangan itu dilikat dengan guni pasir manakala kolam renang pula dipenuhi minyak.

Menurutnya, ketika menyedut air kolam tersebut, pihak bomba juga perlu mengasingkan cebisan daging mayat yang terlekat pada pam yang digunakan.

"Baunya tidak dapat hendak diungkapkan, seperti 10 kali ganda daripada ikan masin. Selepas dibawa keluar kami dapati mayat dari paras paha ke leher itu disyaki dibunuh. serta merupakan wanita kerana memakai coli," katanya.

Berbeza pula dengan pengalaman pegawai bomba Mohd. Zaidra Shafii yang terlibat dalam operasi kebakaran sebuah kondominium di tingkat 32, Mont Kiara.

Kejadian berlaku pada 2009 apabila pihaknya mendapat panggilan terdapat seorang lelaki berusia 20-an yang terperangkap dalam kebakaran itu.

"Setiba di lokasi kejadian, pihak kami mengalami sedikit kesulitan ketika cuba membuka pintu rumah tersebut kerana dihalang barang-barang yang terjatuh akibat kebakaran. Apabila dapat masuk, api yang marak memenuhi ruang rumah



PASUKAN A BBBP Sri Hartamas bergambar selepas ditemubual untuk ruangan *Gaya Wira* di Balai Bomba Sri Hartamas.



MOHD ZAKIRA SHAFII



MOHD. NOR AZMI RAHMAT



ROSLI IBRAHIM

tersebut dan kami perlu mencari mangsa yang terperangkap untuk diselamatkan.

"Malangnya mangsa gagal diselamatkan dan mayatnya ditemukan di balkoni. Dipercayai

mangsa sempat menelefon ibunya meminta pertolongan ketika kejadian," katanya.

Dalam pada itu, pegawai bomba Mohd. Nor Azmi Rahmat pula berkongsi kisah memadam kebakaran kereta di persimpangan lampu isyarat di Bandar Manjalara pada 2008.

Menceritakan lebih lanjut, katanya, ketika tiba di lokasi kejadian, api sedang membakar kenderaan itu dan dia serta beberapa anggota memadamkan kebakaran.

"Apabila operasi selesai, kami terkejut terdapat seorang mangsa yang sedang duduk di tempat pemandu.

"Lebih menghairankan, tangan kiri mangsa sedang memegang gear dan jam tangan yang dipakai masih berfungsi dengan baik. Sehingga sekarang saya terfikir mengapa mangsa tidak keluar dari keretanya ketika kejadian," ujamnya.

**OPERASI** memadam kebakaran sebuah kilang sofa di Segambut Tengah, Kuala Lumpur.

